

08 JUL 1997

Sanusi-Lapangan Terbang

KEDAH TIDAK HALANG NEGERI LAIN BINA LAPANGAN TERBANG

ALOR SETAR, 8 Julai (Bernama) -- Kerajaan negeri Kedah akan menyokong kerajaan negeri yang lain yang berhasrat melobi kerajaan persekutuan supaya membina lapangan terbang antarabangsa di negeri masing-masing, kata Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid.

Malah, katanya, Kedah akan menyokong penuh permohonan itu kerana berpendapat perkara itu tidak akan menjejaskan pelaksanaan pembinaan lapangan terbang antarabangsa di kawasan projek tambak laut di Kuala Muda, yang telahpun diluluskan oleh kerajaan persekutuan.

"Walaupun negeri lain turut berminat, projek lapangan terbang antarabangsa yang kedua di Kedah tetap diteruskan kerana Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) telah memberi kelulusan dan meminta supaya ia disegerakan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan EON Bank cawangan Alor Setar di sini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas permohonan Pulau Pinang yang turut meminta supaya kerajaan persekutuan memberi pertimbangan untuk membina lapangan terbang antarabangsa yang baru di negeri itu. Pulau Pinang dilapor menyerahkan cadangan pembinaan itu sejak beberapa tahun lepas.

"Setakat ini tiada masalah, ianya berjalan sepertimana yang dirancangan kerana kita telah menyediakan tapak untuk pembinaan lapangan terbang itu," kata Sanusi.

Beliau berkata apabila siap kelak, lapangan terbang itu akan melengkapkan kemampuan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan Bayan Lepas, Pulau Pinang bagi menampung keperluan penerbangan di wilayah utara.

Katanya, lebih 300,000 orang menggunakan perkhidmatan udara di Malaysia setiap hari dan jumlah ini akan meningkat dengan pesat pada masa akan datang.

"Kita yakin lapangan terbang antarabangsa itu nanti dapat menjamin perkhidmatan yang selesa dan dapat menampung keperluan masa akan datang," katanya.

Terdahulu, Sanusi menyeru institusi kewangan agar memberi pendedahan yang selengkapnya kepada penduduk di luar bandar mengenai Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF).

Katanya, masih terdapat di antara mereka yang beranggapan SPTF yang dilaksanakan mengikut syariat Islam merupakan skim yang memudahkan pinjaman tanpa dikenakan apa-apa tindakan walaupun mereka tidak membayar balik hutang. -- BERNAMA

MN AKD